

Oleh Rosniza  
Mohd Taha  
yona@bh.com.my

Serdang

Kejayaan menarik ramai calon cemerlang bagi kemasukan pelajar baharu prasiswazah 2015/2016 menyokong strategi pembangunan bakat dalam usaha menjadikan Universiti Putra Malaysia (UPM) tersenarai dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramalan berkata, daripada keseluruhan 3,790 pelajar yang ditawarkan mengikuti 54 program bacelor, kira-kira 80 peratus calon memilih mengikuti aliran sains, manakala baki 20 peratus lagi dalam aliran sains sosial.

Lebih membanggakan, katanya, apabila lapan program pengajian mencatat purata nilai gred terkumpul (PNGK) masuk 4.00 iaitu Ekonomi, Perakaunan, Kejuruteraan Kimia, Doktor Perubatan Veterinar, Sains (Bioperubatan), Pentadbiran Perniagaan, Sastera (Bahasa Asing) Pengkhususan Bahasa Arab serta Sains (Major Fizik).

"Seramai 98,730 calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, matrikulasi, asasi dan diploma memohon melanjutkan pengajian di UPM, jauh melebihi jumlah tempat ditawarkan iaitu 3,790.

"Program pengajian UPM juga menarik ramai calon cemerlang, bukan sahaja bagi bidang sains dan kedoktoran, malah dalam aliran sains sosial seperti ekonomi, perakaunan dan pentadbiran perniagaan," katanya.

#### INFO

#### TAWARAN PROGRAM PENGAJIAN DENGAN PNGK MASUK 4.00

- Bacelor Ekonomi - 40 pelajar
- Bacelor Perakaunan - 45 pelajar
- Bacelor Kejuruteraan (Kimia) - 35 pelajar
- Bacelor Doktor Perubatan Veterinar - 50 pelajar
- Bacelor Sains (Bioperubatan) - 50 pelajar
- Bacelor Pentadbiran Perniagaan - 20 pelajar
- Bacelor Sastera (Bahasa Asing) Pengkhususan Bahasa Arab - 10 pelajar
- Bacelor Sains Major Fizik - Seorang pelajar



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah beramah mesra dengan pelajar OKU, Hussain Said pada Majlis Ikrar Pelajar Minggu Perkasa Putra sesi 2015/2016.

# UPM jadi pilihan pelajar cemerlang

#### Atlet pemikir

UPM antara universiti yang terus menyokong usaha kerajaan untuk melahirkan atlet pemikir dengan turut meluluskan permohonan calon dalam kalangan atlet yang memenangi pingat dalam Sukan SEA tahun ini.

Prof Mohd Fauzi berkata, seramai empat pemain hoki lelaki negara, dua pemain hoki wanita serta seorang pemain pingpong wanita antara calon yang mendapat tawaran untuk mengikuti pengajian termasuk dalam program bukan berkaitan sukan seperti perakaunan.

Katanya, akses pengajian bagi golongan istimewa dan minoriti tidak dilupakan apabila empat pelajar orang kurang upaya (OKU) serta dua pelajar Orang Asli turut mendapat tawaran pengajian di UPM.

"Pengambilan pelajar OKU dan Orang Asli sememangnya menjadi amalan di UPM sebagai sebahagian inisiatif tanggungjawab sosial.

"Perkhidmatan sokongan turut diberikan seiring pengambilan pelajar khas ini termasuk dengan menyediakan kenderaan khas serta pensyarah terlatih untuk membimbang mereka," katanya.

Kadar lima peratus pelajar prasiswazah antarabangsa juga semakin hampir



“

PERKHIDMATAN SOKONGAN TURUT DIBERIKAN SEIRING PENGAMBILAN PELAJAR KHAS INI TERMASUK DENGAN MENYEDIAKAN KENDERAAN KHAS SERTA PENSYARAH TERLATIH UNTUK MEMBIMBING MEREKA”

Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramalan,  
Naib Canselor UPM



Suasana pendaftaran pelajar baharu di Kolej Kediaman 16, UPM.



dicapai dengan pengambilan 176 pelajar asing yang antara lain berasal daripada Singapura, Thailand, Indonesia, Korea Selatan, China, India, Pakistan, Bangladesh, Uzbekistan, Kazakhstan, Kanada, Arab Saudi dan Senegal.

#### Program popular

Katanya, antara program pengajian popular dalam kalangan pelajar antarabangsa ialah kejuruteraan, pentadbiran perniagaan, sains komputer dan komunikasi.

"Pengambilan berterusan pelajar antarabangsa yang menyaksikan peningkatan permohonan daripada Indonesia dan China, membantu meningkatkan kadar semasa pelajar asing ketika ini, iaitu pada kadar 4.4 peratus atau 167 pelajar," katanya.

Beliau berharap pelajar baharu memanfaatkan peluang melanjutkan pengajian di UPM sebaik mungkin dengan menjadikan matlamat mengubah nasib keluarga serta menyumbang kepada pembangunan negara sebagai suntikan semangat.

"Kelayakan pendidikan tinggi bakal mengubah kehidupan keluarga serta peranan pelajar dalam mencorak kemajuan dan pembangunan negara.

"Apabila mereka sentiasa mengenang jasa pemimpin negara berusaha mencapai kemerdekaan, doa keluarga, harapan rakyat dan negara, pasti mereka tidak tergemark mensia-siakan peluang ini sewenang-wenangnya," katanya.